

## SIKAP PELAJAR DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI ISLAM MALAYSIA DALAM MEMPELAJARI KEMAHIRAN MENULIS BAHASA ARAB

Mohamad Rofian Ismail

Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor

Email: [mohdrofian@uis.edu.my](mailto:mohdrofian@uis.edu.my)

Ahmad Redzaudin Ghazali

Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor,

E-mail: [redzaudin@uis.edu.my](mailto:redzaudin@uis.edu.my)

Khairatul Akmar Ab. Latif

Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor,

E-mail: [khairatulakmar@uis.edu.my](mailto:khairatulakmar@uis.edu.my)

### ABSTRAK

*Sikap memainkan peranan penting dalam mencorak keperibadian dan psikologi pembelajaran pelajar ke arah yang lebih positif dan berkesan. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti sikap pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Islam Malaysia (IPTIM) dalam mempelajari kemahiran menulis bahasa Arab. Kajian ini adalah kajian kuantitatif bersifat deskriptif yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Sebanyak 140 orang responden dalam kalangan pelajar peringkat Diploma Bahasa Arab di Universiti Islam Selangor (UIS), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UNIPSAS) dan Universiti Sultan Zainal Abidin UniSZA diambil sebagai sampel kajian. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Science (SPSS) versi 22.0. Kaedah analisis deskriptif mudah iaitu skor min analisis digunakan untuk memperoleh dapatan kajian. Untuk tatacara penganalisaan data kajian, pengkaji menggunakan interpretasi skor min yang bersumberkan Neuman (2012). Dapatkan kajian secara keseluruhan mendapat nilai min yang diperoleh untuk 15 item yang dikaji dalam domain sikap berada pada interpretasi min yang tinggi iaitu 3.77 ( $SP=0.72$ ). Dapatkan ini secara tidak langsung memperihalkan bahawa sikap pelajar Diploma Bahasa Arab di IPTIM dalam mempelajari kemahiran menulis adalah baik dan positif namun begitu terdapat beberapa item yang bertahap sederhana dikenalpasti iaitu saya suka membuat latihan menulis bahasa Arab ( $min=3.52$ ,  $SP=0.75$ ), saya suka membuat aktiviti-aktiviti menulis bahasa Arab ( $min=3.50$ ,  $SP=0.74$ ), masa yang diperuntukkan dalam setiap sesi pembelajaran menulis bahasa Arab adalah mencukupi ( $min=3.53$ ,  $SP=0.90$ ), saya lebih suka jika aktiviti-aktiviti menulis bahasa Arab diadakan sepanjang masa ( $min=3.52$ ,  $SP=0.83$ ), saya sentiasa menunggu-nunggu aktiviti-aktiviti menulis bahasa Arab ( $min=3.25$ ,  $SP=0.76$ ) dan saya sentiasa melibatkan diri secara aktif semasa diadakan aktiviti-aktiviti bahasa Arab ( $min=3.28$ ,  $SP=0.89$ ). Justeru, pengkaji telah mencadangkan beberapa solusi bagi mengatasi masalah sikap yang dihadapi oleh pelajar IPTIM dalam kemahiran menulis bahasa Arab.*

**Kata Kunci :** Sikap, Pelajar, IPTIM , Kemahiran Menulis, Bahasa Arab

### 1. Pengenalan

Dalam konteks pendidikan tinggi, sikap pelajar memainkan peranan yang signifikan dalam menentukan keberkesanan proses pembelajaran. Pengamalan sikap yang positif turut mempengaruhi pencapaian akademik serta pembentukan keperibadian pelajar. Dalam konteks pembelajaran bahasa pula, khususnya dalam mempelajari kemahiran menulis bahasa Arab, sikap pelajar menjadi aspek yang paling utama untuk dipertimbangkan. Sikap yang positif terhadap proses pembelajaran menulis bahasa Arab bukan hanya mempengaruhi motivasi pelajar, tetapi juga berkait rapat dengan kejayaan mereka dalam menguasai kemahiran tersebut.

Tajuk yang dikaji ini adalah sangat penting bagi memahami konteks kebudayaan dan pendidikan Islam yang signifikan di Malaysia. Bahasa Arab memainkan peranan utama dalam pemahaman agama dan akademik Islam, dan institusi pengajian tinggi Islam di negara ini mempunyai tanggungjawab untuk mengembangkan

kefahaman terhadap bahasa ini. Oleh itu, adalah wajar bagi pengkaji untuk mengkaji sikap pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab, terutamanya dalam aspek kemahiran menulis.

Kajian ini juga dirasakan relevan kerana terdapat ketidakpastian mengenai sikap pelajar terhadap pembelajaran kemahiran menulis bahasa Arab. Kajian-kajian sebelum ini mungkin tidak mencakupi secara menyeluruh tentang aspek ini, oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengisi kesenjangan tersebut. Selain itu, adalah penting untuk memahami bagaimana sikap pelajar terhadap pembelajaran mempengaruhi pencapaian akademik mereka. Sikap yang positif terhadap pembelajaran telah dikaitkan dengan kejayaan akademik yang lebih baik. Oleh itu, dengan menganalisis dan memahami sikap pelajar terhadap pembelajaran kemahiran menulis bahasa Arab, kajian ini dapat memberikan gambaran yang berguna bagi pembangunan strategi pengajaran dan pembelajaran yang lebih efektif.

Pemahaman tentang sikap pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab juga dapat membantu penggubal kurikulum dan pensyarah untuk merancang program pembelajaran yang lebih sesuai seterusnya menarik minat pelajar. Dengan demikian, kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada peningkatan kualiti pendidikan di Institut Pengajian Tinggi Islam Malaysia (IPTIM) serta memperkuatkannya pembelajaran bahasa Arab di Malaysia secara keseluruhannya.

## 2. Latar Belakang Kajian

Kajian ini dilaksanakan dalam usaha untuk memahami sikap pelajar terhadap proses pembelajaran bahasa Arab di peringkat universiti di Malaysia. Ia menjadi sebahagian daripada usaha untuk menyokong dan memperkuatkan hasil kajian sedia ada berkaitan dengan kurikulum bahasa Arab di negara ini. Dengan mengkaji sikap pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab, kajian ini diharapkan dapat memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesan proses pembelajaran mereka serta memberikan panduan bagi penambahbaikan program pembelajaran bahasa Arab di peringkat universiti.

Dalam pembelajaran bahasa Arab, terutamanya dalam kemahiran menulis, penting untuk mempertimbangkan sikap pelajar dengan serius. Hal ini disebabkan sikap memainkan peranan penting dalam mencapai kejayaan pembelajaran dan meningkatkan penguasaan bahasa dengan cara yang lebih positif. Di peringkat universiti, kemahiran menulis bahasa Arab sering dianggap lemah. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa walaupun pelajar telah belajar bahasa Arab selama lebih dari lima tahun, sama ada di peringkat sekolah rendah atau menengah, tahap kemahiran menulis mereka masih berada pada tahap yang tidak memuaskan. Malah, apabila mereka memasuki institusi pengajian tinggi, penguasaan bahasa Arab masih lagi lemah sehingga kelihatan seolah-olah mereka baru mengenali bahasa Arab pada peringkat tersebut. Masalah ini tidak hanya terhad kepada pelajar diploma sahaja, tetapi juga dialami oleh pelajar pra universiti seperti pelajar asasi atau matrikulasi. Sebagai contoh, kajian yang dijalankan oleh Abd Gani, Ramli dan Zahid (2021) mendapati kemahiran pelajar dalam Parafrasa Bahasa Arab dalam Penulisan Makalah Ilmiah sangat lemah. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa kesilapan utama pelajar dalam parafrasa adalah dari aspek semantik yang berpunca daripada kelemahan dalam memahami teks rujukan asal di samping kesilapan dari aspek gramatis terutama dalam kaedah *al-idhofah*, penggunaan *dhamir* dan *fi'il* yang berpunca daripada kelemahan dalam penguasaan ilmu Sintaksis dan Morfologi Arab. Hal yang sama juga berlaku dalam kalangan mahasiswa UiTM Melaka iaitu kelemahan utama mereka dalam penulisan adalah melibatkan *imlak* dan ejaan, penyesuaian gender, penggunaan kata kerja dan penggunaan *al-idhofah* (Sopian, (2019)). Kelemahan-kelemahan sebegini dilihat mempunyai kaitan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam kemahiran menulis bahasa Arab. Antara faktor yang dapat dikenalpasti ialah faktor sikap. Sikap pelajar dalam mempelajari kemahiran menulis bahasa Arab sedikit sebanyak dapat mempengaruhi pencapaian mereka dalam menguasai bahasa Arab. Hal ini terbukti apabila kajian Fadzil, Jaafar dan Rofiee (2022) telah mendapati secara purata, skor

responden bagi sikap pelajar berada pada tahap tinggi iaitu skor min 3.83. Selain itu, dapatan bagi ujian korelasi menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan positif antara sikap pelajar dengan penguasaan Bahasa Arab ( $r = 0.623$ ,  $p < 0.05$ ). Justeru itu, sikap memainkan peranan yang penting dalam pembelajaran Bahasa Arab dan mampu memberikan kesan positif terhadap penguasaan Bahasa Arab pelajar.

Oleh itu, dalam kajian ini, pengkaji komited untuk mengkaji dengan lebih mendalam jenis dan bentuk sikap yang dimiliki oleh pelajar program Diploma bahasa Arab di IPTIM yang berpotensi mempengaruhi pencapaian kemahiran menulis bahasa Arab. Diharapkan bahawa hasil kajian ini akan memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai sikap pelajar terhadap proses pembelajaran kemahiran menulis bahasa Arab di IPTIM. Selain itu, implikasi kajian ini dijangka dapat memberikan sumbangan yang signifikan kepada pembangunan kurikulum dan strategi pengajaran serta pembelajaran di institusi-institusi pengajian tinggi Islam Malaysia, dengan matlamat untuk meningkatkan keberkesanannya proses pembelajaran menulis bahasa Arab dalam kalangan pelajar.

### 3. Perbincangan Literatur

Sikap merupakan elemen psikologi yang wujud dalam diri setiap manusia. Sikap yang positif mencerminkan individu yang baik dan terpuji. Manakala, sikap yang negatif pula menggambarkan buruk dan hodohnya imej seseorang individu tersebut.

Pelbagai teori psikologi telah dicadangkan dalam usaha untuk memahami pengaruh sikap terhadap tingkah laku individu. Sebagai contoh, teori oleh Zajonc (1969) yang mengemukakan bahawa pendedahan berulang terhadap sesuatu menyebabkan berlakunya pembentukan sikap yang positif atau negatif terhadap objek tersebut. Oleh itu, penting untuk memahami bagaimana persekitaran pembelajaran dapat membentuk sikap pelajar terhadap kemahiran menulis Bahasa Arab. Perubahan sikap juga dianggap penting dalam konteks pencapaian akademik (Crow dan Crow, 1983). Hal ini adalah kerana sikap yang positif terhadap pembelajaran dapat memotivasi pelajar untuk mencapai kejayaan dalam penggunaan bahasa Arab sebagai alat komunikasi.

Tahap pencapaian kemahiran menulis Bahasa Arab adalah hasil daripada interaksi pelbagai faktor, terutama faktor dalaman seperti sikap dan penerimaan pelajar terhadap kemahiran tersebut. Sikap yang ditunjukkan dalam tingkah laku seseorang individu, memainkan peranan penting dalam membentuk persepsi, motivasi, dan kesungguhan seseorang dalam mengembangkan kemahiran menulis (Ismail et al., 2020). Kesedaran terhadap pentingnya sikap ini dalam konteks pembelajaran adalah perkara yang tidak dapat dinafikan kerana ia membentuk landasan penting untuk mencapai kejayaan dalam pelbagai aspek kehidupan. Hal ini bertepatan dengan kajian Cahyani, Hadiyanti, dan Saptoro (2021) yang mendapati wujudnya peningkatan sikap kedisiplinan dan kemampuan berfikiran kritis dalam kalangan mahasiswa di Indonesia.

Sikap jika dilihat dari sudut psikologi melibatkan penilaian individu terhadap sesuatu, dengan penilaian yang boleh bersifat positif atau negatif (Yanti, 2022). Hal ini melibatkan beberapa faktor dan pengaruh. Menurut Crow dan Crow (1983), faktor pengalaman, kebiasaan, dan pengaruh persekitaran adalah antara faktor yang membentuk sikap seseorang dalam menilai sesuatu perkara. Pernyataan ini terbukti benar dalam kajian Ghazali et al. (2010) yang mendapati sikap terhadap bahasa mencerminkan pandangan serta kepercayaan masyarakat terhadap bahasa tersebut, seperti kesan menarik, kemudahan pembelajaran, dan keindahan penggunaannya. Dalam konteks pembelajaran bahasa Arab, sikap yang positif terhadap bahasa tersebut dapat merangsang minat dan motivasi pelajar untuk menguasai kemahiran menulis dengan lebih efektif. Hal ini selari dengan

kajian Rozmi (2011) yang mendapati bahawa sikap boleh membentuk asas penting dalam proses penilaian diri, yang pada akhirnya mempengaruhi prestasi dan penampilan akademik.

Meskipun belum terdapat kajian formal yang khusus berkaitan dengan sikap dalam konteks pembelajaran bahasa Arab, terdapat keperluan untuk memberi perhatian kepada sikap dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran. Hal ini kerana kebanyakan pelajar bersungguh-sungguh dalam pengajian semata-mata untuk mencapai tahap kelulusan semata-mata, tanpa mereka sedar peri pentingnya kegunaan kemahiran bahasa Arab dalam kehidupan mereka (Anuar, 2001). Namun, dari sudut positifnya, teori-teori psikologi yang diperkenalkan oleh Bem dalam Rozmi, (2011) menunjukkan bahawa sikap dapat dipengaruhi oleh tingkah laku, dan sebaliknya. Hal ini menunjukkan betapa pentingnya pengalaman belajar yang positif dan interaksi yang memberi dorongan dalam membentuk sikap dan tingkah laku yang produktif dalam pembelajaran.

Sikap pelajar sebenarnya mempunyai hubung kait dengan pencapaian mereka dalam bahasa Arab. Sikap yang positif dalam pembelajaran akan memberi hasil yang positif kepada pelajar dalam pencapaian dan penguasaan bahasa Arab. Hal ini terbukti hasil daripada kajian Kassim, Damit dan Taat, (2017) yang mendapati sikap pelajar dan pengajaran guru dapat mempengaruhi penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah. Analisis regresi mendapati bahawa pengajaran guru memberikan pengaruh yang besar iaitu sebanyak 48.1%, berbanding sikap pelajar iaitu 8.1% terhadap penguasaan bahasa Arab. Dapatkan ini secara tidak langsung memberikan implikasi kepada pemantapan amalan pengajaran guru bahasa Arab dalam meningkatkan sikap yang positif untuk menguasai bahasa Arab sekali gus memperkasakan pencapaian dalam kalangan pelajar peringkat universiti.

Pelajar peringkat universiti yang mempelajari bahasa Arab mempunyai banyak pilihan dalam mencorak masa depan mereka. Mereka berpeluang mendapatkan ilmu pengetahuan dan adab yang bernilai melalui didikan agama dan akademik di institusi pengajian tinggi samada secara formal atau tidak formal bagi memantapkan sahsiah diri serta mempersiapkan diri dalam menghadapi cabaran dan liku-liku kerjaya pada masa mendatang. Dalam mempelajari bahasa Arab, pelajar di peringkat universiti mestilah bersikap dengan sikap yang terpuji. Mereka hendaklah rajin, ikhlas dan bersungguh-sungguh dalam mempelajari setiap subjek bahasa Arab. Hal ini pastinya dapat membantu mereka menguasai bahasa Arab dengan lebih cemerlang. Kajian Ratmaynawati, (2021) dan Tahmida, Sahbana, Toyib dan Masruddin, (2024) menekankan peri pentingnya nilai-nilai adab pelajar dalam menguasai satu-satu subjek pelajaran. Kejayaan yang diperoleh pada hakikatnya berpunca dari sikap pelajar yang beradab, berakhlaq mulia dan bersungguh-sungguh.

Secara kesimpulannya, adalah penting untuk menyedari bahawa sikap pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab memainkan peranan yang signifikan dalam pencapaian kejayaan mereka dalam kemahiran menulis. Oleh itu, pendekatan pendidikan yang holistik dan berpusatkan pelajar perlu diambil kira untuk memupuk sikap yang positif dan motivasi yang tinggi dalam proses pembelajaran. Dengan memahami pengaruh sikap terhadap pembelajaran, kita dapat merancang strategi pembelajaran yang lebih berkesan dan relevan untuk memastikan pencapaian kejayaan dalam kemahiran menulis Bahasa Arab.

#### 4. Metodologi kajian

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kuantitatif deskriptif. Sebanyak 140 orang responden dari kalangan pelajar peringkat Diploma Bahasa Arab di Universiti Islam Selangor (UIS), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah

(UNIPSAS) dan Universiti Sultan Zainal Abidin UniSZA diambil sebagai sampel kajian. Pemilihan sampel dibuat adalah kerana batasan kajian ini hanya melibatkan pelajar bahasa Arab peringkat Diploma sahaja dari IPTIM. Satu set soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian dan diagihkan kepada responden kajian menggunakan kaedah persampelan berstrata. Data yang diperoleh melalui soal selidik dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science (SPSS)* versi 22.0. Data-data yang dianalisis ini seterusnya dibentangkan menggunakan kaedah analisis deskriptif mudah iaitu analisis skor min. Pengkaji menggunakan interpretasi skor min yang bersumberkan Neuman (2012) dalam proses pelaporan analisis seperti dalam Jadual 1 di bawah.

**Jadual 1: Interpretasi Skor Purata Ke Dalam 3 Tahap Skala Likert**

<b>Julat</b>	<b>Tahap Skor Min</b>
1.00 – 2.39	Rendah
2.40 – 3.70	Sederhana
3.71 – 5.00	Tinggi

Sumber: Neuman (2012)

Manakala bagi mengukur tahap persepsi pelajar IPTIM terhadap sikap mereka dalam mempelajari kemahiran menulis bahasa Arab, pengkaji menggunakan skala likert lima mata seperti mana berikut :

**Jadual 2: Interpretasi Skor Purata Ke Dalam 5 Tahap Skala Likert**

<b>Skala</b>	<b>Ukuran</b>
Tahap 1	Sangat Tidak Setuju (STS)
Tahap 2	Tidak Setuju (TS)
Tahap 3	Tidak Pasti (TP)
Tahap 4	Setuju (S)
Tahap 5	Sangat Setuju (SS)

Sumber: Diadaptasi daripada Mohd Majid (2000)

## 5. Analisis Kajian

Analisis skor min telah dijalankan ke atas item-item yang berkaitan dengan domain faktor sikap pelajar Diploma Bahasa Arab dari empat buah Institusi Pengajian Tinggi Islam Malaysia dalam mempelajari kemahiran menulis. Jadual 3 di bawah menunjukkan nilai min yang diperoleh untuk 15 item yang dikaji.

**Jadual 3: Kekerapan, Peratus & Min Faktor Sikap Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Islam Dalam Mempelajari Kemahiran Menulis**

<b>Item</b>	<b>STS</b>	<b>TS</b>	<b>TP</b>	<b>S</b>	<b>SS</b>	<b>Min</b>	<b>S.P</b>	<b>Interpretasi</b>
Saya suka membuat latihan menulis bahasa Arab.	0 0%	9 6.4%	61 43.6%	57 40.7%	13 9.3%	3.52	0.75	Sederhana
Saya sentiasa melibatkan diri secara aktif semasa diadakan aktiviti-aktiviti bahasa Arab.	5 3.6%	15 10.7%	66 47.1%	43 30.7%	11 7.9%	3.28	0.89	Sederhana
Saya suka membuat aktiviti-aktiviti menulis bahasa Arab.	0 0%	10 7.1%	61 43.6%	58 41.4%	11 7.9%	3.50	0.74	Sederhana

Saya berusaha bersungguh-sungguh untuk menguasai kemahiran menulis bahasa Arab.	0 0%	2 1.4%	19 13.6%	81 57.9%	38 27.1%	4.10 0.67	Tinggi
Aktiviti-aktiviti menulis bahasa Arab tidak membosankan saya.	0 0%	5 3.6%	39 27.9%	79 56.4%	17 12.1%	3.77 0.70	Tinggi
Masa yang diperlukan dalam setiap sesi pembelajaran menulis bahasa Arab adalah mencukupi.	4 2.9%	14 10%	39 27.9%	69 49.3%	14 10%	3.53 0.90	Sederhana
Saya sentiasa menunggu-nunggu aktiviti-aktiviti menulis bahasa Arab.	3 2.1%	13 9.3%	74 52.9%	45 32.1%	5 3.6%	3.25 0.76	Sederhana
Saya rasa senang hati jika dapat mengikuti aktiviti menulis bahasa Arab.	0 0%	8 5.7%	34 24.3%	83 59.3%	15 10.7%	3.75 0.72	Tinggi
Kemahiran berbahasa penting bagi saya untuk saya maju ke hadapan dalam bidang kemahiran menulis bahasa Arab.	0 0%	2 1.4%	10 7.1%	66 47.1%	62 44.3%	4.34 0.67	Tinggi
Saya lebih suka jika aktiviti-aktiviti menulis bahasa Arab diadakan sepanjang masa.	3 2.1%	11 7.9%	47 33.6%	68 48.6%	11 7.9%	3.52 0.83	Sederhana
Saya cukup meminati dan berasa bertuah kerana dapat mengikuti program berkaitan kemahiran menulis bahasa Arab ini.	0 0%	1 0.7%	22 15.7%	89 63.6%	28 20%	4.02 0.62	Tinggi
Saya bertekad untuk memiliki semua kemahiran menulis berbahasa Arab.	0 0%	2 1.4%	19 13.6%	78 55.7%	41 29.3%	4.12 0.68	Tinggi
Program bahasa Arab ini membantu saya menghubung kait teori dan amali menulis bahasa Arab.	0 0%	2 1.4%	16 11.4%	96 68.6%	26 18.6%	4.04 0.59	Tinggi
Saya pasti tekun dalam mengikuti subjek menulis bahasa Arab.	0 0%	3 2.1%	30 21.4%	88 62.9%	19 13.6%	3.87 0.65	Tinggi
Saya amat meminati subjek menulis bahasa Arab yang diajar.	1 0.7%	2 1.4%	31 22.1%	74 52.9%	32 22.9%	3.95 0.75	Tinggi
<b>Min Keseluruhan</b>				<b>3.77</b>	<b>0.72</b>	Tinggi	

Jadual 3 menunjukkan min keseluruhan item untuk domain kajian berkaitan persepsi pelajar Diploma bahasa Arab di empat buah IPTIM terhadap faktor sikap mereka dalam mempelajari kemahiran menulis. Secara umumnya, nilai min yang diperoleh untuk 15 item yang dikaji berada pada interpretasi min yang tinggi iaitu 3.77 (SP=0.72).

Sembilan item mendapat min yang tinggi mengikut tertib aras ketinggian adalah kemahiran berbahasa penting bagi saya untuk saya maju ke hadapan dalam bidang kemahiran menulis bahasa Arab (min=4.34, SP=0.67), saya bertekad untuk memiliki semua kemahiran menulis berbahasa Arab (Min=4.12 ,SP=0.68), saya berusaha bersungguh-sungguh untuk menguasai kemahiran menulis bahasa Arab (min=4.10, SP=0.67), Program bahasa Arab ini membantu saya menghubung kait teori dan amali menulis bahasa Arab (Min=4.04, SP=0.59), Saya cukup meminati dan berasa bertuah kerana dapat mengikuti program berkaitan kemahiran menulis bahasa Arab ini (Min=4.02, SP=0.62),

saya amat meminati subjek menulis bahasa Arab yang diajar ( $\text{min}=3.95$ ,  $\text{SP}=0.75$ ), saya pasti tekun dalam mengikuti subjek menulis bahasa Arab ( $\text{Min}=3.87$ ,  $\text{SP}=0.65$ ), aktiviti-aktiviti menulis bahasa Arab tidak membosankan saya ( $\text{min}=3.77$ ,  $\text{SP}=0.70$ ) dan saya rasa senang hati jika dapat mengikuti aktiviti menulis bahasa Arab ( $\text{min}=3.75$ ,  $\text{SP}=0.72$ ).

Namun begitu, terdapat enam item yang mendapat min yang sederhana iaitu saya suka membuat latihan menulis bahasa Arab ( $\text{min}=3.52$ ,  $\text{SP}=0.75$ ). Dapatkan ini menunjukkan bahawa sikap pelajar Diploma bahasa Arab dalam membuat latihan penulisan adalah sederhana dan memuaskan. Item-item lain yang berstatus sederhana ialah saya suka membuat aktiviti-aktiviti menulis bahasa Arab ( $\text{min}=3.50$ ,  $\text{SP}=0.74$ ), masa yang diperlukan dalam setiap sesi pembelajaran menulis bahasa Arab adalah mencukupi ( $\text{min}=3.53$ ,  $\text{SP}=0.90$ ), saya lebih suka jika aktiviti-aktiviti menulis bahasa Arab diadakan sepanjang masa ( $\text{min}=3.52$ ,  $\text{SP}=0.83$ ), Saya sentiasa menunggu-nunggu aktiviti-aktiviti menulis bahasa Arab ( $\text{min}=3.25$ ,  $\text{SP}=0.76$ ) dan saya sentiasa melibatkan diri secara aktif semasa diadakan aktiviti-aktiviti bahasa Arab ( $\text{min}=3.28$ ,  $\text{SP}=0.89$ ). Dapatkan ini jelas menunjukkan bahawa aktiviti-aktiviti penulisan bahasa Arab dalam proses pengajaran dan pembelajaran hanya memuaskan dan tidak begitu merangsang minat pelajar. Dalam masa yang sama mereka menganggap peruntukan masa pembelajaran menulis bahasa Arab adalah memuaskan dan perlu kepada penambahbaikan.

Secara keseluruhannya, dapatkan yang diperoleh menunjukkan bahawa hampir keseluruhan item yang berkaitan domain sikap pelajar Diploma bahasa Arab seperti sikap mereka terhadap kepentingan kemahiran menulis bahasa Arab, minat dan kecenderungan mereka dalam mengikuti program kemahiran menulis bahasa Arab, tekad dan azam mereka untuk memiliki semua kemahiran menulis, program bahasa Arab yang dipelajari membantu mereka menulis bahasa Arab dengan baik samada dari sudut teori dan praktikal, usaha dan kesungguhan mereka dalam menguasai kemahiran menulis bahasa Arab, kenyakinan mereka untuk tekun dalam mengikuti subjek menulis bahasa Arab, minat mereka dalam mempelajari subjek menulis bahasa Arab, keseronokan mereka dalam mengikuti aktiviti menulis bahasa Arab dan juga aktiviti-aktiviti menulis bahasa Arab yang tidak membosankan berada pada tahap yang tinggi. Daripada sembilan item yang berada pada tahap min yang tinggi, didapati beberapa item memperoleh peratusan persetujuan responden yang tinggi iaitu 91.4% untuk item kepentingan kemahiran berbahasa, 85% untuk minat pelajar untuk mengikuti program kemahiran menulis dan juga tekad mereka dalam memiliki semua kemahiran menulis bahasa Arab.

Justeru, dapat disimpulkan berdasarkan analisis yang diperoleh bahawa sikap pelajar Diploma Bahasa Arab di IPTIM dalam mempelajari kemahiran menulis bahasa Arab adalah sangat positif dalam beberapa aspek terutama sikap mereka terhadap kepentingan kemahiran menulis bahasa Arab, minat dan kecenderungan mereka dalam mengikuti program kemahiran menulis bahasa Arab, tekad dan azam mereka untuk memiliki semua kemahiran menulis, program bahasa Arab yang dipelajari membantu mereka menulis bahasa Arab dengan baik samada teori dan praktikal, usaha dan kesungguhan mereka dalam menguasai kemahiran menulis bahasa Arab, kenyakinan mereka untuk tekun dalam mengikuti subjek menulis bahasa Arab, minat mereka dalam mempelajari subjek menulis bahasa Arab, keseronokan mereka dalam mengikuti aktiviti menulis bahasa Arab dan juga aktiviti-aktiviti menulis bahasa Arab yang tidak membosankan.

## 6. Perbincangan dan Dapatan Kajian

Berdasarkan analisis skor min di atas, kajian ini merumuskan bahawa sikap pelajar Diploma bahasa Arab di IPTIM dalam mempelajari kemahiran menulis adalah baik dan sangat positif dari pelbagai aspek yang dikaji. Namun begitu, terdapat beberapa sikap lain yang dikaji berada pada nilai min yang

sederhana seterusnya perlu diberi ruang dan perhatian agar dapat membantu pelajar meningkatkan kemahiran menulis bahasa Arab di IPTIM. Sikap-sikap tersebut ialah :

1. Pelajar suka membuat latihan menulis bahasa Arab ( $\text{min}=3.52$ ,  $\text{SP}=0.75$ ).
2. Pelajar suka membuat aktiviti-aktiviti menulis bahasa Arab ( $\text{min}=3.50$ ,  $\text{SP}=0.74$ )
3. Masa yang diperuntukkan dalam setiap sesi pembelajaran menulis bahasa Arab pelajar adalah mencukupi ( $\text{min}=3.53$ ,  $\text{SP}=0.90$ )
4. Pelajar lebih suka jika aktiviti-aktiviti menulis bahasa Arab diadakan sepanjang masa ( $\text{min}=3.52$ ,  $\text{SP}=0.83$ )
5. Pelajar sentiasa menunggu-nunggu aktiviti-aktiviti menulis bahasa Arab ( $\text{min}=3.25$ ,  $\text{SP}=0.76$ )
6. Pelajar sentiasa melibatkan diri secara aktif semasa diadakan aktiviti-aktiviti bahasa Arab ( $\text{min}=3.28$ ,  $\text{SP}=0.89$ ).

Setelah dianalisis data dan dibincangkan dapatan kajian, pengkaji ingin mengemukakan beberapa solusi dan cadangan berkaitan sikap pelajar Diploma bahasa Arab di IPTIM ke arah meningkatkan penguasaan kemahiran penulisan bahasa Arab. Setiap butiran cadangan dan solusi tersebut dibentangkan seperti berikut:

1. Aktiviti latihan penulisan bahasa Arab dalam modul yang dipelajari perlu dipelbagaikan dan bersifat mesra pelajar. Hal ini pastinya dapat merangsang minat pelajar untuk membuat latihan penulisan tanpa rasa jemu dan bosan.
2. Tenaga pengajar perlu mengenalpasti kecenderungan dan minat pelajar terlebih dahulu sebelum melaksanakan aktiviti penulisan kerana setiap pelajar mempunyai tahap halangan psikologi yang berbeza seperti takut, rungsing, bimbang dan beremosi.
3. Aktiviti penulisan bahasa Arab perlu dijalankan dalam dua bentuk iaitu aktiviti dalam kelas dan aktiviti luar kelas. Aktiviti dalam kelas bersifat formal tapi menarik dan mesra pelajar manakala aktiviti luar kelas perlu bersifat santai dan bersasar. Penulisan pelajar dapat ditingkatkan jika unsur permainan dapat diterapkan dalam aktiviti penulisan di luar kelas.
4. Tenaga Pengajar perlu bijak mengagihkan masa pengajaran yang diperuntukkan terutama aktiviti-aktiviti penulisan yang tinggi seperti aktiviti menulis karangan. Hal ini kerana aktiviti mengarang mengambil masa yang lama seterusnya objektif yang ingin dicapai tidak tercapai.
5. Keterlibatan pelajar dalam aktiviti kemahiran menulis bahasa Arab yang dianjurkan oleh IPTIM samada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa perlu diberi perhatian. Semua pihak berkepentingan perlu berusaha merangsang minat pelajar untuk melibatkan diri dalam semua aktiviti dan program kemahiran menulis bahasa Arab.

## 7. Kesimpulan

Kajian ini merumuskan bahawa kesemua objektif kajian yang telah digariskan didapati telah tercapai. Hal ini kerana dapatan kajian menunjukkan bahawa sikap pelajar Diploma bahasa Arab di IPTIM dalam mempelajari kemahiran menulis adalah baik dan sangat positif dari pelbagai aspek yang dikaji. Namun begitu, terdapat beberapa sikap lain yang dikaji berada pada nilai min yang sederhana seterusnya perlu diberi perhatian yang sewajarnya agar dapat membantu dan membimbing pelajar meningkatkan kemahiran menulis bahasa Arab di IPTIM dengan baik dan berkesan.

## 8. Rujukan

- Abd Gani, M. I., Ramli, S., & Zahid, M. D. A. (2021). Kemahiran Parafrasa Bahasa Arab dalam Penulisan Makalah Ilmiah: Analisis Kelemahan Pelajar. *e-BANGI*, 18(4), 118-129.
- Anuar Puteh (2001). Perkembangan dan pembentukan remaja menurut perspektif Islam. *Kajian Malaysia*, 19(2), 79-101.
- Cahyani, H. D., Hadiyanti, A. H. D., & Saptoro, A. (2021). Peningkatan sikap kedisiplinan dan kemampuan berpikir kritis siswa dengan penerapan model pembelajaran problem based learning. *Edukatif: Jurnal Ilmu Pendidikan*, 3(3), 919-927.
- Crow & Crow (1983). Psikologi Pendidikan Untuk Pengurusan. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Pustaka.
- Fadzil, N. A., Jaafar, N., & Rofiee, M. M. (2022). Hubungan sikap pelajar terhadap penguasaan bahasa Arab. *Jurnal'Ulwan*, 7(2), 154-172.
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi, & Parilah M. Shah (2010). Sikap pelajar terhadap pembelajaran kemahiran lisan bahasa Arab di Universiti Teknologi MARA (UiTM). *GEMA Online Journal of Language Studies*, 10(3), 15-33.
- Ismail, M. R., Ghazali, A. R., Latif, K. A. A., Maromar, F., & Man, S. (2020). Hubungan Antara Faktor Dalaman dan Faktor Luaran Dalam Mempengaruhi Kemahiran Menulis Bahasa Arab Pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia: The Relationship between Internal and External Factors Influencing Student Skills of Arabic Writing in Higher Learning Institutions of Malaysia. *e-Jurnal Bahasa dan Linguistik (e-JBL)*, 2(1), 1-12.
- Kassim, N., Damit, S. A., & Taat, M. S. (2017). Pengaruh Sikap Pelajar dan Pengajaran Guru Terhadap Penguasaan Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar PPIB, UMS. *Jurnal'Ulwan*, 2(1), 125-142.
- Mohd Majid Konting (2000). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Neuman W.L (2012). Understanding Research Canada. Prentice Hall Publisher
- Ratmaynawati, I. (2021). *Nilai-Nilai Adab Pelajar Dalam Tembang Jawa Macapat Pada Kurikulum 2013 Muatan Lokal Dan Implementasinya Sebagai Media Dalam Desain Pembelajaran Akidah Akhlak* (Doctoral dissertation, IAIN Purwokerto).
- Rozmi Ismail (2011). *Psikologi Sosial*. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi Selangor Darul Ehsan.
- Sopian, A. (2019). Kemahiran Menulis Bahasa Arab: Analisa Kelemahan Pelajar UITM Melaka. *Global Academic Excellence (M) Sdn Bhd (1257579-U) Kelantan Malaysia*, 318.
- Tahmidah, N., Sahbana, S., Toyyib, M., & Masruddin, M. (2024). Bersungguh-Sungguh (Ijtihad) Dalam Proses Pembelajaran Menurut Al-Qur'an. *Al-Dirosah: Jurnal Pendidikan Agama Islam*, 1(1).
- Yanti, F. (2022). *Psikologi Komunikasi*. Agree Media Publishing.
- Zajonc, R. (1969). *Animal social psychology: A reader of experimental studies*.